

**PENGGAL KETIGA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEENAM BELAS**  
**NEGERI SABAH**

**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**HARI KHAMIS, 21 JULAI 2022, PUKUL 10:00 PAGI**

*Bil. 09*

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN UNTUK JAWAPAN LISAN**

- \*1. **YB. Tuan Alias bin Sani [Sekong]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan negeri kepada UPPM di kawasan-kawasan ADUN Pembangkang dan apakah ianya sudah diagihkan.
- \*2. **YB. Tuan Mohd Arsad bin Bistari [Tempasuk]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah inisiatif pihak kementerian bagiewartakan jeti-jeti pemunggahan ikan yang wujud di negeri Sabah sama ada wartakan di bawah Kerajaan Negeri Sabah atau pun syarikat berkaitan kerajaan / *Government Linked Companies* (GLC) seperti Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (KO-NELAYAN).
- \*3. **YB. Tuan Tan Lee Fatt [Likas]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah rancangan kerajaan dalam mengurangkan kebergantungan import makanan haiwan, baja tanaman dan racun serangga.
- \*4. **YB. Tuan Arunarnsin bin Taib [Gum-Gum]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN**, adakah kerajaan bercadang memberikan Aspirasi Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) memenuhi Aspirasi Keluarga Malaysia dan RMK-12 dalam usaha melahirkan usahawan serta mempertingkatkan lagi keseimbangan ekonomi khususnya di daerah kurang membangun.
- \*5. **YB. Puan Norazlinah Arif [Kunak]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, adakah kerajaan bercadang untuk membina kawasan riadah buat penduduk daerah Kunak bagi menggalakkan amalan budaya hidup sihat.
- \*6. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, adakah kerajaan negeri bercadang untuk melibatkan ADUN-ADUN bukan kerajaan dalam mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah, Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah.
- \*7. **YB. Datuk Christina Liew [Api-Api]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, berapakah bilangan balu, ibu

tunggal dan orang kurang upaya (OKU) dari kawasan Api-Api yang menerima bantuan daripada kerajaan sepanjang tempoh pandemik Covid-19 (2020 dan 2021).

- \*8. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah perancangan kementerian untuk menambah baik infrastruktur pelancongan yang berada di bawah jagaan Taman-Taman Sabah.
- \*9. **YB. Tuan Fairuz bin Renddan [Pintasan]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS**, berapa buah sekolahkah yang mendapat Bantuan Aktiviti PIBG SABAH (BAGUS) dan Bantuan Ihsan Sekolah Sabah (BISBAH) bagi daerah Kota Belud.
- \*10. **YB. Datuk Dr. Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, satu masa dahulu Sabah sangat cemerlang di Malaysia dalam acara olahraga dan sukan-sukan lain:-
  - a) apakah status ini sama atau menurun; dan
  - b) apakah kerajaan bercadang atau sudah ada akademik sukan-sukan terpilih di setiap daerah supaya Sabah cemerlang semula.
- \*11. **YB. Datuk Hj Raime Unggi [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, menjelang akhir tahun 2025, kementerian ini menyasarkan liputan program Bekalan Elektrik Luar Bandar mencapai 99.9 peratus. Sejauh manakah perkembangan bekalan elektrik khususnya di kawasan pedalaman.
- \*12. **YB. Datuk Awang Ahmad Sah bin Datuk Haji Sahari [Petagas]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, adakah kerajaan akan membina jalan raya baharu untuk menggantikan jalan yang rosak akibat daripada kerja-kerja projek pembentungan Putatan.
- \*13. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, adakah perancangan untuk menukar tong sampah yang sedia ada ke saiz yang lebih besar atau adakah cara lain untuk menyelesaikan masalah ini khususnya di bandar Keningau.
- \*14. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, apakah usaha dan rancangan kerajaan negeri untuk mengurangkan beban orang ramai akibat kenaikan kos barangan pengguna.
- \*15. **YB. Tuan Chong Chen Bin [Tanjong Kapor]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, nyatakan apakah perancangan kementerian untuk memastikan

anak-anak muda khususnya yang berumur 18 – 20 tahun ini benar-benar faham proses demokrasi dan diberikan pendidikan politik yang sewajarnya agar mereka lebih bersedia untuk mengundi dalam PRU yang akan datang.

- \*16. **YB. Datuk Rubin Balang [Kemabong]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah usaha kementerian untuk membaik pulih Pusat Kebudayaan Murut Sabah yang terletak di Kg. Pulong Tenom.
- \*17. **YB. Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II /MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah langkah-langkah kementerian untuk persediaan menghadapi krisis makanan dunia.
- \*18. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN**, adakah terdapat rancangan untuk mengurangkan kos bahan-bahan kegunaan dalam pelbagai industri bagi mengganti atau membantu meringankan kos logistik dari Semenanjung ke Sabah.
- \*19. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, berapakah peruntukan pembangunan yang disalurkan kepada kawasan DUN Tungku dan apakah senarai peruntukan tersebut.
- \*20. **YB. Tuan Hassan A Gani Pg. Amir [Sebatik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah status pembangunan bandar sempadan Serudung - Simanggaris.
- \*21. **YB. Puan Norazlinah Arif [Kunak]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah usaha kerajaan untuk menaik taraf Pusat Air Terjun Sejadi Madai dan dijadikan *spot* pelancongan.
- \*22. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan (ADUN Dilantik)** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, apakah langkah kerajaan bagi menyelesaikan kebakaran yang sering berlaku di kawasan setingan; dan apakah strategi kerajaan bagi memperbanyakkan bomba sukarela di kawasan-kawasan tertentu bagi menangani masalah kebakaran yang sering berlaku.
- \*23. **YB. Tuan Hassan A Gani Pg. Amir [Sebatik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI:-**
  - a) apakah langkah kerajaan dalam menangani isu penempatan oleh orang awam yang telah lama bertapak di kawasan Hutan Simpan; dan
  - b) adakah cara untuk kerajaan memindahkan mereka ini ke tempat yang lebih sesuai, atau pun mengeluarkannya daripada Kawasan hutan simpan dan menukarkan statusnya kepada status tanah kerajaan negeri;

- \*24. **YB. Tuan Haji Ruslan bin Muharam [Lumadan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah ada usaha kerajaan untuk meningkatkan harga minima getah memandangkan keperluan asas penoreh getah seperti racun, baja dan bahan lain telah melonjak naik. Harga getah yang tiada peningkatan menyebabkan golongan penoreh getah menghadapi kesukaran hidup disebabkan oleh harga barangan harian semakin meningkat.
- \*25. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, bolehkah kerajaan negeri memberikan statistik kepuasan rakyat terhadap perkhidmatan agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan di Sabah.
- \*26. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, apakah perancangan jangka pendek dan panjang untuk memudahkan penyertaan belia dalam pembangunan industri tempatan dan menangani isu pengangguran yang dijangka mencecah 250,000 di kalangan belia Sabah.
- \*27. **YB. Puan Norazlinah Arif [Kunak]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, apakah inisiatif kerajaan dalam mengatasi kenaikan harga barangan dan pemansuhan subsidi yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan.
- \*28. **YB. Datuk Wong Hong Jun [Tanjung Aru]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, adakah perancangan supaya Klinik Kesihatan dipindah kembali ke Tanjung Aru Plaza, iaitu lokasi sebelum ini bagi memudahkan perjalanan pesakit-pesakit yang tidak mempunyai kenderaan, golongan OKU dan golongan B40 untuk menetapi "Temujanji Berulang".
- \*29. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT:-**
- a) apakah bantuan untuk pelajar yang tinggal di asrama yang tidak mampu membeli makanan dan mengalami masalah kewangan yang teruk disebabkan harga makanan yang kini melambung tinggi; dan
  - b) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawal kenaikan harga barangan asas.
- \*30. **YB. Tuan Hiew Vun Zin [Karamunting]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT:-**
- a) nyatakan bilangan doktor psikiatri dan psikologi yang sedang berkhidmat di Hospital Duchess of Kent Sandakan; dan

- b) apakah usaha dari pihak kerajaan untuk membanteras kes kesihatan mental di khususnya di Sandakan dan Sabah amnya.
- \*31. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, adakah kerajaan negeri akan merangka pelan strategi menerusi Bajet 2023 ekoran kesan kadar inflasi negara walaupun tidak berada pada paras yang tinggi berbanding negara jiran.
- \*32. **YB. Tuan Phoong Jin Zhe [Luyang]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, adakah kerajaan negeri akan mengambil inisiatif di peringkat negeri untuk menstabilkan harga barangan yang telah mencatatkan kenaikan mendadak dengan menggunakan pakai peningkatan hasil cukai jualan petroleum sebanyak RM1.56 billion yang dikutip pada tahun 2021.
- \*33. **YB. Tuan Hassan A Gani Pg. Amir [Sebatik]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS**, sejauh manakah kritikalnya kekurangan tenaga pengajar subjek Pendidikan Islam di Sabah di bawah Kementerian Pendidikan dan apakah perancangan kerajaan dalam memastikan anak-anak Sabah dapat mengisi jawatan guru pendidikan kelak.
- \*34. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah perancangan dan usaha kementerian membangunkan semula Taman Warisan Batu Sapi agar dapat dikunjungi pelancong.
- \*35. **YB. Datuk Rubin Balang [Kemabong]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, apakah usaha kementerian untuk membaik pulih jalan-jalan kampung dan jalan-jalan ke kawasan pertanian yang banyak rosak akibat musim tengkujuh di daerah kecil Kemabong baru-baru ini.
- \*36. **YB. Datuk Amisah Yassin [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA:-**
- a) apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh kementerian untuk mengatasi masalah bekalan air yang sering berlaku di Ranau dan masalah air bersih; dan
- b) adakah kementerian menambah tangki simpanan air untuk mengelak gangguan bekalan air yang berterusan.
- \*37. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah pelan dan dasar kerajaan untuk menggalakkan pengusaha industri pelancongan Sabah agar membantu kelestarian ekonomi mereka.

- \*38. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, adakah kerajaan bercadang untuk memberi subsidi makanan kepada pengusaha penternakan di Sabah.
- \*39. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, apakah tindakan kementerian menyelesaikan masalah gangguan dan internet lemah kawasan liputan “*Internet Connectivity Coverage Area*” yang sering berlaku di kawasan luar bandar.
- \*40. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah strategi kerajaan untuk menarik minat para belia menjadi petani, penternak dan nelayan.
- \*41. **YB. Datuk Hj Raime Unggi [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS**, apakah perancangan kerajaan ke atas:-
- a) 414 buah sekolah di Sabah pada tahap skala impak enam iaitu yang tidak selamat dengan pengesahan Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah; dan
  - b) 52 buah sekolah pada tahap skala impak tujuh iaitu bangunan tidak selamat dengan pengesahan Jabatan Kerja Raya.
- \*42. **YB. Datuk Awang Ahmad Sah bin Datuk Haji Sahari [Petagas]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS**, adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menukar nama Sekolah Pendidikan Khas Tuaran memandangkan sekolah ini terletak dalam daerah Putatan dan bukannya di daerah Tuaran.
- \*43. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS**, adakah kerajaan negeri menyediakan peruntukan bagi membaik pulih bangunan dan peralatan di Sekolah Agama Negeri (SAN).
- \*44. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah perancangan kementerian dalam menggalakkan lebih ramai penduduk terbabit dalam industri pertanian dan perikanan.
- \*45. **YB. Tuan Chong Chen Bin [Tanjong Kapor]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, nyatakan apakah inisiatif dan perancangan kementerian untuk membantu para belia khususnya graduan yang terpaksa mengganggu berikutan kehendak pasaran kerja yang rendah dan ekonomi yang merosot akibat pandemik Covid-19.

- \*46. **YB. Tuan Tan Lee Fatt [Likas]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS**, nyatakan status dan perbelanjaan projek naik taraf, pembaikan sekolah daif dan pembinaan sekolah baharu di Sabah dalam Rancangan Malaysia Ke-13.
- \*47. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, adakah perancangan kerajaan untuk mengkaji semula sempadan kawasan tadahan air kerana ada sesetengah sempadan kawasan termasuk kawasan perkampungan khasnya di DUN N.41 Liawan telah memasuki kawasan tadahan tersebut.
- \*48. **YB. Tuan Mohammad bin Mohamarin [Banggi]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS**, adakah kementerian mengetahui penutupan operasi Kolej Politeknik MARA di Semporna dan apakah tindakan yang diambil oleh kementerian untuk mempertahankan satu-satunya Gedung Pendidikan di bawah MARA ini yang ada di negeri Sabah dan apakah statusnya ketika ini.
- \*49. **YB. Datuk Awang Ahmad Sah bin Datuk Haji Sahari [Petagas]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, apakah tindakan kerajaan terhadap aduan penduduk setempat berkenaan dengan kerosakan teruk Jalan Premix Lorong Kusu Baru Kampung Duvanson, Putatan akibat daripada jentera berat yang mengambil tanah bukit di kawasan terbabit.
- \*50. **YB. Tuan Mohammad bin Mohamarin [Banggi]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS**, apakah perkembangan atau status pembinaan bangunan baru atau pembaikan sekolah-sekolah daif di Negeri Sabah.
- \*51. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, bilakah perumahan flat yang masih lagi tidak mempunyai geran setiap pintudapat diselesaikan agar dapat ditubuhkan satu pihak pengurusan bagi menjaga kebersihan, masalah binatang liar, keselamatan penduduk, landskap dan lampu jalan di kawasan perumahan flat tersebut.
- \*52. **YB. Tuan Mohd Arsad bin Bistari [Tempasuk]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, apakah langkah-langkah pihak kementerian untuk memperkasakan mutu perkhidmatan pihak konsesi yang menjalankan penyelenggaraan jalan-jalan konsesi seperti jalan-jalan kampung yang berada di bawah bidang kuasa kementerian.
- \*53. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan melakukan pembangunan setinggian yang mesra penduduk tanpa membabitkan pemindahan atau penempatan semula di kediaman PPR seperti yang berlaku di Negara Brunei.

- \*54. **YB. Tuan Arunarnsin bin Taib [Gum-Gum]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, apakah tindakan drastik dan segera kementerian dalam meringankan tekanan dan kesusahan rakyat yang mengalami masalah banjir yang sering berlaku dalam musim hujan terutama sekali di Kampung Jaya Bakti, Kampung Sungai Memanjang, Kampung Sungai Kapur dan Kampung Pertanian di kawasan DUN.50 Gum-Gum.
- \*55. **YB. Tuan Hiew Vun Zin [Karamunting]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, apakah kriteria dan garis panduan yang perlu dipenuhi dalam usaha menaik taraf Sandakan kepada status Bandaraya.
- \*56. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA** apakah usaha kerajaan untuk menangani isu kadar kos pengangkutan yang telah meningkat.
- \*57. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan (ADUN Dilantik)** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS**, adakah kerajaan bercadang membina sekolah menengah agama di daerah Kinabatangan.
- \*58. **YB. Puan Rina binti Haji Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah perancangan kerajaan dalam memastikan sektor pelancongan di Sabah lebih mesra Sabahan khususnya membabitkan kos perbelanjaan ke tempat pelancongan berkaitan sekaligus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri.
- \*59. **YB. Tuan Tan Lee Fatt [Likas]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah rancangan kerajaan dalam memperbaiki atau mengkaji semula sistem pengangkutan awam supaya lebih murah dan berkesan di kawasan bandar seperti Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau.
- \*60. **YB. Tuan Hamild @ Hamid bin Awang [Balung]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah status jalan Kampung Sungai Burung, Tawau.
- \*61. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, adakah cadangan kementerian untuk membina lebih banyak rumah PPR (Program Perumahan Rakyat) khasnya di DUN N.41 Liawan, Keningau.
- \*62. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS**, adakah kerajaan bercadang untuk menambah jumlah Sekolah Agama Negeri Sabah (SANS) di kawasan N.30 Bongawan.

\* Pertanyaan-pertanyaan yang tidak sempat dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis